



# Cambridge IGCSE™

CANDIDATE  
NAME

CENTRE  
NUMBER

--	--	--	--	--

CANDIDATE  
NUMBER

--	--	--	--



**MALAY**

**0546/23**

Paper 2 Reading

**May/June 2022**

**1 hour**

You must answer on the question paper.

No additional materials are needed.

## INSTRUCTIONS







- Answer **all** questions.
- Use a black or dark blue pen.
- Write your name, centre number and candidate number in the boxes at the top of the page.
- Write your answer to each question in the space provided.
- Do **not** use an erasable pen or correction fluid.
- Do **not** write on any bar codes.
- Dictionaries are **not** allowed.

## INFORMATION

- The total mark for this paper is 45.
- The number of marks for each question or part question is shown in brackets [ ].

This document has **12** pages. Any blank pages are indicated.

1 Lihat gambar-gambar berikut.



Tulis huruf yang betul (**A–F**) di dalam kotak jawapan yang betul.

(a) Milly membeli alat untuk menangkap ikan.

[1]

(b) Milly memancing di dalam sampan.

[1]

(c) Milly menangkap banyak ikan pada hari itu.

[1]

(d) Milly memasak ikan untuk makan malam.

[1]

(e) Milly membaca majalah memancing.

[1]

[Jumlah: 5]

2 Lihat papan-papan tanda ini.

Di tepi pantai



A



B



C



D



E



F



G



H

Bagi setiap kenyataan, tulis huruf yang betul (A–H) dalam kotak.

(a) Anda memerlukan alat ini untuk berteduh.

[1]

(b) Makan di sini kalau anda bawa makanan sendiri.

[1]

(c) Tempat ini tidak selamat untuk berenang.

[1]

(d) Kawasan ini khas untuk kanak-kanak.


[1]

(e) Tempat untuk mendapat pertolongan perubatan.

[1]

[Jumlah: 5]

3 Baca e-mel berikut dengan teliti. Tanda (✓) pada jawapan yang betul.



(a) Siapakah yang memberitahu Mastura tentang pertandingan itu?

A Kawannya

B Keluarganya

C Gurunya

[1]

(b) Mastura ingin menyertai pertandingan apa?

A Menulis

B Melukis

C Menari

[1]

(c) Tema pertandingan ialah kesan media sosial terhadap ...

A kanak-kanak.

B orang dewasa.

C anak muda.

[1]

(d) Apakah perasaan Mastura tentang tema itu?

A Tercabar

B Gembira

C Bimbang

[1]

(e) Mastura suka menulis semasa ...

A sebelum tidur.

B selepas mandi.

C waktu sekolah.

[1]

(f) Komputer riba Mastura yang lama ...

A diberikan kepada adiknya.

B dicuri orang.

C tidak boleh digunakan lagi.

[1]

(g) Apakah yang Mastura minta daripada Sara?


A Peralatan

B Bantuan

C Wang

[1]

[Jumlah: 7]

4 Baca e-mel di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya dalam **Bahasa Melayu**.

Puan Shireen,

Saya menulis e-mel ini untuk memberitahu mengenai rancangan kami bagi pesta sekolah kita yang akan diadakan hujung tahun ini.

Seperti mana yang Puan Shireen tahu, saya telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan gerai-gerai makanan semasa pesta itu. Setakat ini, saya telah mendapat enam orang pelajar yang akan menjual makanan. Mereka akan menjual makanan yang siap dimasak. Tetapi mereka bertanya jika mereka dibenarkan untuk memasak di situ.

Tahun ini kita ingin memperkenalkan makanan antarabangsa di gerai-gerai. Hiroko dari Jepun akan menunjukkan cara membuat sushi dan juga menjual sushi. Saya sendiri tidak sabar untuk melihat demonstrasi membuat roti oleh para pelajar dari India. Saya amat sukakan makanan India.

Saya fikir pesta ini akan lebih meriah daripada tahun lepas. Ramai orang telah bertanya saya tentang pesta ini. Tiket boleh didapati dalam talian atau dari pejabat sekolah dua minggu sebelum pesta ini.

Dengan hasil jualan tiket dan makanan, kita boleh menambah baik bilik rekreasi untuk para pelajar. Semakin ramai pelajar yang menggunakan bilik ini. Daripada kutipan tahun lepas, kita telah membeli meja pingpong baharu. Kami dapati permainan ini sangat digemari para pelajar.

Kami mendapat sumbangan wang daripada ibu bapa pelajar yang sangat bermurah hati. Selain daripada itu, mereka juga akan membekalkan bahan makanan kepada para pelajar yang membuka gerai.

Saya diberitahu oleh kawan saya, Nash, bahawa isteri guru besar akan menjadi hakim untuk memilih gerai terbaik. Betulkah? Saya fikir ini satu pilihan yang baik kerana saya dengar beliau pandai memasak.

Saya harap Puan Shireen akan membalas e-mel saya secepat mungkin.

Azli

- (a) Apakah yang Azli ingin beritahu Puan Shireen dalam e-melnya?  
..... [1]
- (b) Apakah tugas Azli?  
..... [1]
- (c) Apakah yang para pelajar ingin tahu?  
..... [1]
- (d) Apakah yang baharu dalam acara tahun ini?  
..... [1]
- (e) Mengapakah Azli ingin melihat demonstrasi pelajar dari India?  
..... [1]
- (f) Bagaimanakah Azli tahu acara ini akan menarik ramai pengunjung?  
..... [1]
- (g) Apakah yang akan dibuat dengan wang kutipan daripada acara ini?  
..... [1]
- (h) Mengapakah mereka mendapatkan meja pingpong baharu?  
..... [1]
- (i) Bagaimanakah ibu bapa boleh membantu menjayakan acara ini? Beri **dua** jawapan.  
1 .....  
2 ..... [2]
- (j) Bagaimanakah Azli tahu siapa yang akan menjadi hakim?  
..... [1]
- (k) Mengapakah Azli fikir pemilihan hakim itu adalah yang terbaik?  
..... [1]

[Jumlah: 12]

5 Baca kenyataan-kenyataan (a–e) dan iklan (1–8).

Tempat manakah yang harus dipilih oleh setiap orang?

Bagi setiap kenyataan (a–e) tulis nombor yang betul (1–8) di atas garisan.

### Rancangan untuk bercuti

a



Rayan suka meluangkan masa dengan keluarganya membuat aktiviti luar semasa cuti sekolah. Banyak aktiviti sebegini yang dirancang oleh ibu bapanya supaya mereka dapat menikmati bersama.

.....

b



Sofia ada taman yang besar di rumahnya. Dia sudah lama berkebun. Ada banyak lagi ruang untuk dia menanam sayur-sayuran dan pokok bunga. Dia mahu membeli lebih banyak benih untuk ditanam.

.....

c



Adam fasih berbahasa Inggeris dan suka berkongsi pengetahuannya dengan orang lain. Dia ada sijil untuk mengajar dan mahu bekerja semasa cuti sekolah.

.....

d



Siew Lan berpengalaman menjahit pelbagai jenis pakaian kanak-kanak. Sekarang, dia ingin sekali menjual pakaian-pakaian ini di Internet tetapi dia tidak tahu bagaimana untuk melakukannya.

.....

e



Amy memerlukan tempat untuk kucingnya semasa dia pergi bercuti. Dia mahu tempat yang selesa di mana kucingnya dijaga dengan penuh kasih sayang oleh orang yang sukakan haiwan.

.....



1

Kami, Pusat Bahasa Dahlia yang baru dibuka, memerlukan guru untuk bekerja di pusat kami semasa cuti sekolah. Kelas bahasa Inggeris adalah antara kelas yang mendapat sambutan ramai. Kalau anda berkelayakan dan ada masa, sila hubungi kami.

2

Pusat niaga dalam talian – kami mengajar anda untuk memulakan dan menguruskan perniagaan dalam talian anda dari rumah. Ini merupakan langkah pertama anda untuk mencipta kejayaan dalam dunia perniagaan. Anda pasti berpuas hati!

3

Rumah Si Comel untuk Haiwan Kesayangan Anda. Kami menjaga setiap haiwan seperti haiwan kesayangan kami sendiri. Anda tidak perlu bimbang semasa bercuti – si comel kesayangan anda akan dipelihara, diberi makan, kasih sayang dan tempat kediaman seperti di rumahnya sendiri.

4

Motel Pantai Indah menawarkan tempat untuk para pekerja syarikat untuk beriadah sambil bekerja. Kami menyediakan dewan mesyuarat, bilik tidur yang selesa, makanan yang enak dan pelbagai aktiviti luar untuk menjalinkan hubungan rakan sekerja.

5

Taman Sentosa – kebun yang indah sentiasa menyejukkan mata yang memandang. Datanglah ke tempat kami untuk mendapatkan idea dan membeli keperluan berkebun untuk menceriakan halaman anda. Kami juga menjual makanan serta permainan bagi haiwan peliharaan anda. Anda tidak akan kecewa!

6

Syarikat Bistari menyediakan kursus asas bagi mereka yang mahu belajar menjahit, memasak dan berkebun. Kami mempunyai tenaga pengajar yang berkelayakan serta mesra. Kelas diadakan dua kali seminggu pada hujung minggu.

7

Adakah anda ingin meningkatkan kemahiran berbahasa? Sekolah Aneka Bahasa menyediakan kursus bahasa asing seperti bahasa Inggeris, Arab, Jerman dan Mandarin semasa cuti sekolah. Sila hubungi kami kalau berminat.

8

Kawasan Rekreasi D'Ceria yang terletak di pinggir Bukit Arang, sesuai untuk semua orang. Selain daripada menawarkan pemandangan yang indah, terdapat juga aktiviti seperti menunggang kuda, berkayak dan memanah. Kami pasti keluarga anda akan menikmati masa anda di sini.

[Jumlah: 5]

6 Baca blog di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya dalam **Bahasa Melayu**.

Enam bulan lagi saya akan tamat zaman persekolahan saya di London. Sekarang saya berada di persimpangan jalan: adakah saya terus ke pengajian tinggi di sini untuk belajar dalam bidang perubatan atau dalam bidang lain.

Ibu bapa saya memang mahu saya meneruskan pelajaran dalam bidang perubatan. Oleh kerana kakak saya baru sahaja menyertai klinik bapa sebagai doktor, saya fikir bidang itulah yang mereka sudah tetapkan untuk saya.

Walau bagaimanapun, saya ada cita-cita serta minat saya sendiri. Betul, peperiksaan terakhir saya menunjukkan keputusan yang cemerlang. Tetapi saya mahu mengejar cita-cita untuk bertugas di luar; bukan di dalam klinik atau pejabat.

Saya mahu membuat sesuatu yang membanggakan ibu bapa saya dan pada masa yang sama saya dapat mengejar impian saya sendiri. Inilah yang saya mesti fikir panjang-panjang sebelum membuat keputusan tentang kerjaya saya nanti.

Ketika belajar di sini, saya mendapat banyak pengalaman membuat kerja-kerja sukarela dengan badan-badan amal di sini. Saya suka kerja membantu orang dalam kesusahan. Ini telah banyak mempengaruhi cara saya berfikir.

Bulan lepas saya menonton sebuah dokumentari mengenai para doktor yang berkhidmat di kawasan-kawasan yang ditimpa bencana di luar negara. Mereka memberi perkhidmatan mereka secara percuma. Hati saya lega kerana ini mungkin satu jawapan kepada dilema saya.

Sebelum ke universiti, saya ingin bekerja sebagai sukarelawan. Ada beberapa orang kawan yang mempunyai minat yang sama. Kami perlu mengkaji tentang badan-badan amal yang boleh kami sertai. Kami juga mesti mendapatkan data tentang apa yang diperlukan di kawasan-kawasan yang kami akan pergi.

Saya perlu menyimpan wang untuk penginapan dan makanan kerana biasanya sukarelawan tidak menerima bayaran. Tidak semua badan amal menyediakan tempat tinggal untuk sukarelawan. Makanan juga ditanggung sendiri.

Bapa bercadang untuk bersara dalam masa sepuluh tahun lagi dan sudah menjadi harapan dia bahawa anak-anaknya akan mengambil alih kliniknya. Dalam jangka masa itu, saya rasa saya sudah ada cukup pengalaman dan kelayakan untuk memenuhi hasrat kedua-dua ibu bapa saya.

(a) Bilakah babak baharu dalam kehidupan penulis akan bermula?

..... [1]

(b) Mengapakah penulis fikir ibu bapanya mahu dia memilih bidang perubatan di universiti?

..... [1]

(c) Di manakah penulis lebih suka bekerja?

..... [1]

(d) Apakah yang perlu dipertimbangkan oleh penulis dalam menentukan masa depannya? Beri **dua** jawapan.

1 .....

2 ..... [2]

(e) Apakah yang membentuk cara pemikiran penulis?

..... [1]

(f) Bagaimanakah perasaan penulis setelah menonton dokumentari?

..... [1]

(g) Nyatakan maklumat yang penulis dan kawan-kawannya perlukan untuk rancangan mereka sebagai sukarelawan. Beri **dua** jawapan.

1 .....

2 ..... [2]

(h) Mengapakah penulis perlu berjimat dalam berbelanja untuk bertugas sebagai sukarelawan?

..... [1]

(i) Apakah harapan bapa penulis apabila dia berhenti kerja nanti?

..... [1]

[Jumlah: 11]

**BLANK PAGE**

---

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

To avoid the issue of disclosure of answer-related information to candidates, all copyright acknowledgements are reproduced online in the Cambridge Assessment International Education Copyright Acknowledgements Booklet. This is produced for each series of examinations and is freely available to download at [www.cambridgeinternational.org](http://www.cambridgeinternational.org) after the live examination series.

Cambridge Assessment International Education is part of Cambridge Assessment. Cambridge Assessment is the brand name of the University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which is a department of the University of Cambridge.